

Lim Guan Eng harus tenang, rasional
Utusan Online
09 April, 2012
Oleh ANI AWANG

NIBONG TEBAL 8 April - UMNO Pulau Pinang hari ini menyifatkan Ketua Menteri, Lim Guan Eng sebagai seorang pemimpin yang tidak boleh dikritik.

Pengerusi Perhubungan UMNO negeri, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, sesiapa sahaja yang mengkritik Guan Eng akan menghadapi tindakan termasuk dibawa ke mahkamah.

Katanya, sebagai Ketua Menteri yang diberi mandat, Guan Eng harus tenang serta bersikap rasional apabila diajukan soalan.

"Saya lihat Ketua Menteri ini tidak sensitif kerana tak dapat menahan kemarahan apabila dikritik. Padahal setiap isu yang UMNO bangkitkan kepada kerajaan negeri berdasarkan fakta dan Guan Eng perlu menjawabnya kerana rakyat hendak tahu jawapannya," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Serentak Cawangan, Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Nibong Tebal serta Pelancaran Jentera Pilihan Raya Parlimen Nibong Tebal di Institut Latihan Perindustrian, di sini.

Zainal Abidin yang juga Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Nibong Tebal berkata, era demokrasi Guan Eng perlu telus dan berani tampil untuk menjawab soalan.

"Saya cukup hairan parti yang diberi mandat menerajui Pulau Pinang diketuai oleh parti DAP seolah-olah demokrasi di negeri ini terlalu tipis sehingga kita nak bersuara bagi pihak rakyat UMNO dianggap rasis.

"Kalau kita lihat secara keseluruhan parti UMNO tolong semua kaum. Lihat wakil rakyat UMNO dan program kita sejak berlakunya transformasi politik, kita tolong semua kaum," katanya.

Zainal Abidin berkata, apabila UMNO membangkitkan isu sekolah untuk kepentingan awam, rumah kos rendah (kehendak rakyat) dan isu masjid (kemahuan majoriti umat Islam), parti itu dianggap rasis.

Berikutan itu, Guan Eng menggunakan isu itu untuk menimbulkan kebencian rakyat terhadap UMNO dan orang Melayu.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu bersikap lebih rasional dan teratur supaya tidak menganggap apa dibangkitkan UMNO itu bersifat perkauman kerana perjuangan parti itu adalah untuk semua tanpa kira bangsa dan itulah perjuangan yang akan diteruskan sampai bila-bila.

Ditanya mengenai usaha mengesan pengundi negeri itu yang bekerja di luar, Zainal Abidin berkata, 10 peratus daripada 850,000 pengundi bekerja di luar.

Menurutnya, jentera pilihan raya di Daerah Pusat Mengundi (DPM) setiap bahagian UMNO sedang mengesan pengundi terbabit yang kebanyakannya di Kuala Lumpur.

"Kita akan menghubungi mereka bagi membolehkan mereka dapat pulang mengundi. Kita gunakan kesempatan ini untuk menghubungi mereka supaya dapat mereka ketahui apa yang dibuat oleh UMNO," ujarnya.

Sehubungan itu, Zainal Abidin mahukan ahli parti dapat memahami isu yang dibangkitkan untuk dihebahkan di peringkat akar umbi supaya ia difahami rakyat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0409&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm